



Mimbar Darul Tafsir

#81: Mengungkit-ungkit Sumbangan Dalam Dakwah

Penulis Artikel

USTAZ DR. MUHAMMAD HANIFF HASSAN

Felo | Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS)

Universiti Teknologi Nanyang Singapura

Mengungkit-ungkit Sumbangan Dalam Dakwah

يَمْنُونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا قُلْ لَا تَمْنُوا عَلَى إِسْلَامَكُمْ بَلِ اللَّهُ يَمْنُ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَنَكُمْ لِلإِيمَانِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

“Mereka mengira dirinya berbudi kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebab mereka telah memeluk Islam. Katakanlah (kepada mereka): Janganlah kamu mengira keislaman kamu itu sebagai budi kepadaku, bahkan (kalauolah sah dakwaan kamu itu sekalipun, maka) Allah jualah yang berhak membangkit-bangkitkan budiNya kepada kamu, kerana Dialah yang memimpin kamu kepada iman (yang kamu dakwakan itu), kalau betul kamu orang-orang yang benar (pengakuan imannya).” (Al-Hujurat:17)



01

إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۝ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

“Sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia langit dan bumi dan Allah Maha Melihat akan segala yang kamu kerjakan.” (Al-Hujurat:18)



02

PELAJARAN

Ayat-ayat ini diturunkan sebagai **teguran ke atas beberapa ketua kabilah Arab yang bermegah diri dengan sumbangan yang mereka berikan kepada Islam** melalui kemuliaan status kabilah mereka di mata kaum Arab di zaman itu serta kekuatan harta dan ketenteraan, hingga mereka merasa bahawa Nabi s.a.w telah terhutang budi dengan mereka.

Kandungan dan kisah disebalik ayat-ayat ini memberi **peringatan kepada Muslim yang aktif dalam usaha dakwah agar beringat-ingat apabila ingin menonjolkan sumbangan yang telah dibuat untuk dakwah di khalayak awam**, agar tidak jatuh dalam kesilapan kabilah Arab yang dicela, iaitu mendabik dada tinggi hingga menyangka bahawa dakwah telah terhutang budi kepada dirinya.



03




Surah Al-Hujurat, ayat 17 memberitahu bahawa sikap yang betul bagi Muslim yang telah dan mahu menyumbang di jalan Allah taala ialah yang sebaliknya, iaitu bersyukur kepada Allah taala yang membolehkan sumbangan itu hingga dapat pula menjadi saham untuk kehidupannya di Akhirat kelak.

Hal ini kerana **penglibatan Muslim dalam dakwah mungkin tidak tercapai tanpa hidayah dari Allah taala**. Hidayah dari Allah taala telah menggerakkan iman dan beri dorongan untuk Muslim agar membuat sumbangan sedangkan terdapat banyak perkara keduniaan lain yang boleh dilakukan, seperti mengisi masa dan salurkan tenaga serta wang untuk hobi bersukan, bersosial dan memelihara haiwan.

Selain hidayah, Allah taala juga memberi kekuatan untuk kekal menyumbang dalam kerja-kerja dakwah walau berhadapan dengan cabaran.






Dari perspektif ini, **setiap aktivis dakwah sebenarnya termakan budi kepada Allah taala selaku 'bos' bagi kerja dakwah** kerana Allah telah memilihnya untuk menyumbang kepada agamaNya sedangkan Allah taala boleh memilih dan memberi hidayah kepada orang lain sebagaimana yang difirmankan dalam banyak ayat Al-Quran seperti dalam Surah Al-Nisa', ayat 133, Surah Al-Maidah, ayat 54, Surah Ibrahim, ayat 19 hingga 20, dan Surah Muhammad, ayat 38.

Hal ini tidak bermakna Muslim tidak boleh menyebut-nyebut sumbangannya di jalan dakwah. **Al-Quran membenarkan Muslim mewar-warkan amal kebaikannya kepada khalayak ramai. (Al-Baqarah:271)**

Nabi Ibrahim a.s pula berdoa kepada Allah taala agar orang ramai sentiasa menyebut-nyebut namanya atau ingat kepada dirinya kerana sumbangan dan legasi yang dia tinggalkan. (Al-Shu`ara':84).






Namun, ini **hendaklah dilakukan atas tujuan supaya ia menjadi galakan, contoh yang baik dan inspirasi bagi orang lain untuk membuat amal kebaikan dan menyumbang di jalan Allah taala**, bukan untuk bermegah-megah terhadap orang lain atau mengungkit-ungkit jasa hingga orang ramai berasa terhina dan terguris perasaan. Tujuan seperti ini dicela kerana ia memupuk sifat sompong dan riya' dalam diri sendiri, dan hasad dan kebencian dalam diri orang lain.

Surah Al-Hujurat, ayat 18 pula memberi **peringatan bahawa nilai amal kebajikan dan sumbangan dalam dakwah di sisi Allah taala bukan terletak pada kualiti dan kuantiti, 'output', tapi pada apa yang terkandung di dalam hati**, yang tersembunyi dari mata orang ramai, tapi tidak tersembunyi dari mata Allah taala, iaitu ia **dilakukan atas dasar iman kepada Allah taala dan ikhlas**.



A photograph showing a person's hands holding a silver-colored tin can over a cardboard box. The box is filled with numerous silver coins. The background is blurred, showing more of the same setup.

Ada manusia yang banyak sumbangan, tapi hatinya tidak beriman.

Ada pula yang banyak sumbangan dan beriman pada Allah taala, tapi tidak ikhlas dalam sumbangannya kerana niatnya ialah untuk kepentingan diri sendiri seperti nama, peluang niaga, atau kuasa.

Hal ini tidak mustahil berlaku walaupun kepada seorang yang kuat beriman, kerana tipu daya syaitan itu licik. Kalaupun ia tidak berlaku kepada semua amal kebaikan seseorang, ia boleh berlaku kepada sebahagiannya, jika dia leka.

Khalayak ramai tidak tahu dan tidak perlu tahu dan siasat apa yang ada di dalam hati. **Namun, Allah taala Maha Mengetahui segala isi hati.**





Sumbangan yang besar di jalan Allah taala pasti bermanfaat buat masyarakat dan buat penyumbang tersebut di dunia ini. **Namun, ia tidak bernilai di sisi Allah taala dan tidak bermanfaat bagi mereka di Akhirat jika tiada iman dan ikhlas.**

Maka, janganlah meletakkan nilai amal dan sumbangan hanya pada pengiktirafan dan pengakuan manusia, tapi juga pada pengiktirafan Allah taala.



Muslim tidak perlu bersedih atau kecewa jika tiada atau kurang perakuan dan penilaian manusia terhadap jasa dan sumbangannya setelah berusaha untuk mewar-warkannya dengan tujuan untuk menggalakkan mereka melakukan amal kebajikan, kerana yang penting adalah perakuan Allah taala.

Tidak seperti manusia, **Allah taala tidak akan terlepas pandang sekecil mana sekalipun amal hamba-hambaNya. (Al-Hujurat:18)**



Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membala budi anda dengan kebaikan setimpal!